

Kerajaan negeri digesa buka laluan anak Sungai Assam Jawa

# Rezeki kami terancam

Oleh MEGAT RAMLI MEGAT RAOFF  
megat@kosmo.com.my

**KUALA SELANGOR** - Nelayan dan petani di Kampung Assam Jawa di sini mendesak kerajaan negeri membuka semula laluan air anak sungai di kawasan itu bagi memudahkan mereka turun ke laut dan mengusahakan tanaman.

Menurut mereka, anak Sungai As-sam Jawa itu dibina sejak tahun 2009 tetapi apabila sebuah syarikat swasta mengambil alih kawasan itu untuk mengusaha kolam ternakan udang, ia ditutup.

Pengerusi Jawatankuasa Keselamatan dan Kemajuan kawasan berkenaan, Ramli Yusuf berkata, tindakan penutupan anak sungai atau disebut paloh itu menyebabkan nelayan tidak dapat turun ke laut dengan menggunakan laluan yang sama.

la juga menyebabkan banjir seringkali berlaku sehingga memusnahkan tanaman terutama kebun sayur dan serai yang diusahakan petani.

“Tanpa paloh, kira-kira 100 nelayan terpaksa pergi ke laut melalui jeti Sungai Buloh yang terletak tujuh kilometer dari sini dan ia menyukarkan kami menyimpan sampan dan jaring,” katanya.

Beliau berkata demikian selepas kira-kira 100 nelayan dan petani di sini



**SEBAHAGIAN** nelayan membuat demonstrasi bagi mendesak janji kerajaan negeri membuka aliran anak sungai atau paloh di Kuala Selangor kelmarin.

mengadakan demonstrasi aman berhubung tuntutan tersebut di sini kemarin.

Sementara itu, wakil nelayan, Nor Azhar Jamil berkata, pihaknya juga mendesak Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor supaya mengambil semula tanah yang diserahkan kepada syarikat itu mengikut Akta Tubuh Kerajaan Negeri.

Mereka mendakwa pengusaha ko-

lam terbabit telah menghalang nelayan melalui kawasan tersebut.

“Sebelum ini, kami pernah memohon supaya dapat membuka semula anak sungai berkenaan.

“Bagaimanapun, sehingga kini kerajaan negeri belum memberi kata putus tentang kedudukan sebenar mengenai tuntutan paloh ini,” ujarnya yang berharap masalah itu dapat segera diselesaikan.